

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2017

RUJUKAN : 10284

SOALAN :

**Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan jumlah kuarters polis yang perlu diberi
naik taraf ataupun membina baru memandangkan kebanyakannya
sudah terlalu usang.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan kuarters PDRM di seluruh Malaysia ialah sebanyak 64,258 unit manakala jumlah kuarters yang usang dan tidak diduduki adalah sebanyak 8,936 unit. Berikutan permasalahan ini, PDRM telah merancang untuk melaksanakan pembaikan secara menyeluruh menggunakan peruntukan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2016 hingga 2020 iaitu di bawah program *My Beautiful Malaysia (MyBM)* secara NBOS dengan kos sebanyak RM9.55 juta.

Selain itu, PDRM bersama Kementerian Kewangan telah merangka cadangan untuk melaksanakan Program Rumah Mampu Milik dengan kaedah *Land Swap* tanah-tanah milik Kerajaan yang akan menyediakan kuota khas sebanyak 2,000 unit bagi warga PDRM yang layak untuk memiliki rumah mampu milik yang dibangunkan oleh Kerajaan, Kerajaan Negeri atau pihak swasta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD
IMRAN BIN ABDUL HAMID (B)
[LUMUT]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2017 (SELASA)

SOALAN : 43

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apa sudah jadi dengan siasatan kehilangan pesawat MH370 pada 8 Mac 2014 dan bilakah laporan siasatan hendak diberi kepada semua Ahli Parlimen setelah beberapa kali dijanjikan tetapi sehingga ke hari ini masih belum ditepati.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan kemalangan dan insiden pesawat MH370 yang dilaksanakan oleh Pasukan Penyiasat Bebas Antarabangsa yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi menyiasat punca kemalangan udara pesawat MH370 berlandaskan *Annex 13 (Convention on International Civil Aviation, Aircraft Accident and Incident Investigation)*. Pasukan Penyiasat antarabangsa ini turut dianggotai oleh *accredited representatives* daripada Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, China, Perancis dan 2 negara anggota ASEAN iaitu Singapura dan Indonesia.

Siasatan dijalankan berdasarkan *Annex 13 (Convention on International Civil Aviation, Aircraft Accident and Incident Investigation)* di mana semua maklumat penting dikongsi bersama dengan semua *accredited representatives* termasuk Australia.

Pasukan penyiasat telah mengeluarkan *Interim Statements* pada ulang tahun pertama, kedua dan ketiga kehilangan pesawat berhubung dapatan awal siasatan. Ketiga-tiga laporan ini hanya memperincikan fakta-fakta kejadian berdasarkan maklumat yang diperolehi pada waktu tersebut. *Interim Statements* tersebut boleh diperolehi di laman sesawang <http://www.mh370.gov.my>.

Untuk makluman Yang Berhormat, Laporan Akhir Penyiasatan yang menyeluruh dan terperinci sedang disediakan dan seperti yang

93

termaktub di bawah Annex 13 Konvensyen Chicago, satu laporan akhir nahas pesawat perlu dikeluarkan dalam tempoh tempoh satu tahun daripada tarikh pengumuman penggantungan operasi pencarian di mana berdasarkan hasil siasatan, pasukan penyiasat akan mengemukakan satu laporan yang terperinci dan syor-syor penambahbaikan keselamatan industri penerbangan awam negara kepada pihak-pihak yang berkepentingan (*stakeholders*).

Namun begitu, seperti Yang Berhormat sedia maklum, pada ketika ini, pihak Kerajaan sedang dalam rundingan dengan syarikat penerokaan dasar laut iaitu *Ocean Infinity* untuk memulakan misi baharu pencarian pesawat MH370. Oleh yang demikian, tarikh pengeluaran laporan akhir kemalangan pesawat MH370 tersebut adalah bergantung kepada perkembangan terbaharu ini.